

**TERMA DAN SYARAT
KEMPEN LESTARI PENDIDIKAN**

KEMPEN

Kempen Lestari Pendidikan memberi peluang kepada peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman untuk menstrukturkan semula pinjaman dengan bayaran tunggakan yang minimum agar dapat membuat bayaran balik mengikut kemampuan kewangan.

TEMPOH KEMPEN

1. Tempoh kempen bermula **15 Oktober 2025** sehingga **15 Disember 2025** dan **dilanjutkan sehingga 31 Disember 2025**.
2. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pertukaran atau pindaan tersebut melalui pemberitahuan dalam laman web rasmi PTPTN, media elektronik atau paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN.

KELAYAKAN

3. Terbuka kepada **semua peminjam PTPTN yang mempunyai tunggakan RM500** dan ke atas dalam tempoh kempen sama ada peminjam konvensional ataupun ujah kecuali yang **telah direkodkan penghakiman, peminjam yang telah diserahkan kepada Agensi Perunding Hutang (APH) dan/ atau** peminjam yang mempunyai baki **Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) sahaja**.
4. Peminjam perlu **membuat bayaran pendahuluan 20% daripada jumlah tunggakan atau sekurang-kurangnya RM500, mana yang lebih tinggi** dan membuat penstrukturkan semula pinjaman/ pertukaran ujah atau penggabungan pinjaman dalam tempoh kempen.
5. Melalui kaedah penstrukturkan semula pinjaman/ pertukaran ujah/ penggabungan pinjaman, peminjam boleh mengubah/ menyusun semula ansuran bulanan pada Jadual Bayaran Balik (JBB) mengikut kemampuan masing-masing. Ansuran bulanan minimum ditetapkan berdasarkan anggaran penentuan 5% – 8% daripada jumlah pendapatan kasar, tertakluk kepada kelayakan tempoh bayaran balik dan kelulusan PTPTN.
6. Peminjam diwajibkan membuat **Potongan Gaji (PG)** atau **Direct Debit (DD)** semasa rundingan penstrukturkan untuk bayaran ansuran bulanan.
7. **Bayaran balik pinjaman PTPTN boleh dibuat melalui semua saluran yang disediakan.**

PERUNTUKAN UMUM

8. Sebagai peminjam yang mempunyai akaun aktif, peminjam dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan dan

KEMPEN LESTARI PENDIDIKAN

membenarkan butiran peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi untuk digunakan bagi tujuan promosi.

9. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam kempen ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN/ media massa/ paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya.
10. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan kempen ini dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN/ media massa/ paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penangguhan kempen ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peminjam untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penangguhan kempen.
11. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peminjam tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
12. Penyertaan peminjam dalam kempen ini adalah atas risiko peminjam sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
13. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung kempen ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
14. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peminjam termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, nama peminjam, persamaannya, dan/atau kandungan atau maklumat lain yang dikemukakannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN dalam mana-mana media untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan.
15. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada peminjam.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Kempen Lestari Pendidikan*

Maklumat dikemaskini pada 11 Disember 2025